

Latihan Unit 10 Hidup Beradab Cerminan Diri

Jawab latihan dibawah dengan tepat dan betul berdasarkan konteks ayat berikut.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Adab?

- A. Tingkah laku yang baik dan tutur kata yang sopan
- B. Sikap yang positif
- C. Tatacara yang perlu dipatuhi
- D. Personaliti diri

2. Adab mencerminkan peribadi, identiti dan _____ seseorang.

- A. Penampilan
- B. Tingkah laku
- C. Personaliti
- D. Kesopanan

3. Suasana lebih santai dan _____ yang disusun oleh pihak penganjur tidak terlalu ketat sekiranya menghadiri majlis tidak rasmi.

- A. Tatacara
- B. Program
- C. Aktiviti
- D. Peraturan

4. Berikut adalah adab yang perlu diikuti dalam majlis rasmi kecuali

- A. Mematuhi etika pakaian yang ditetapkan
- B. Boleh menggunakan tangan dan cara yang sesuai
- C. Bercakap apabila perlu sahaja
- D. Memegang sudu dengan tangan kanan

5. Adab dalam majlis rasmi dan majlis tidak rasmi amat penting supaya disiplin diri dapat dibentuk dan _____.

- A. Atur cara majlis mengikut jadual
- B. Imej penganjur terpelihara
- C. Tumpuan tetamu terganggu
- D. Identiti individu akan terserlah

6. Adab ketika majlis tidak rasmi adalah seperti berikut kecuali

- A. Pakaian mengikut kesesuaian majlis
- B. Pakaian formal
- C. Makan menggunakan tangan
- D. Bebas bercakap dengan sesiapa sahaja.

7. Antara kesan sekiranya tidak beradab didalam sesuatu majlis adalah seperti berikut kecuali

- A. Atur cara majlis tidak berjalan lancar
- B. Penganjur berasa malu
- C. Majlis jadi harmoni
- D. Tetamu kurang selesa

8. Berikut adalah contoh majlis rasmi dan majlis tidak rasmi kecuali

- A. Majlis anugerah cemerlang
- B. Majlis hari lahir
- C. Majlis rumah terbuka
- D. Majlis berbuka puasa

9. Adab yang diamalkan dalam majlis rasmi dan majlis tidak rasmi jelas mencerminkan _____ seseorang individu.

- A. Perwatakan
- B. Personaliti
- C. Tingkah laku
- D. Disiplin

10. Nilai _____ harus diamalkan supaya pelaksanaan majlis berjalan lancar seperti yang dirancang.

- A. Hormat
- B. Baik hati
- C. Hemah tinggi
- D. Kasih sayang